

Majalah Q&A, Isu ke 21, September 2013, (ISSN 2232-0083) Ms: 94-95 (Ruangan Perspektif)

TAJUK: MEMAHAMI KONSEP SEBAB & AKIBAT

OLEH: DR. MANSOR BIN SULAIMAN

Di sebalik setiap kejayaan dan kegagalan yang dilalui oleh seseorang atau sesebuah masyarakat, terdapat suatu peraturan yang ditentukan oleh Allah dikenali sebagai peraturan sebab dan musabab atau sebab dan akibat. Dalam Bahasa Inggeris dikenali sebagai *cause and effect*. Contohnya, kegagalan disebabkan oleh tidak berusaha dan kemenangan disebabkan oleh jihad dan kerja keras. Kegagalan dan kemenangan adalah musabab atau akibat manakala tindakan tidak berusaha dan tidak berjihad adalah merupakan sebab.

Salah satu penjelasan al-Quran berkenaan perkara ini boleh dilihat menerusi nas berkenaan pemberian petunjuk kepada manusia yang melakukan sebab-sebab yang membawa kepada petunjuk sepertimana firman Allah swt: *“Hai orang yang beriman, jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya Dia akan memberikan kepadamu furqan (petunjuk yang membezakan hak dan batil) dan menghapuskan segala kesalahan-kesalahanmu dan mengampuni (dosa-dosamu). Dan Allah mempunyai kurnia yang besar”*. (al-Anfal 8: 29)

Demikian juga nas yang menyatakan mengenai akibat atau musabab buruk apabila manusia melakukan sebab-sebab yang mengundang keburukan tersebut seperti jenayah, kerosakan dan penyelewengan. Antara mesej daripada nas-nas ini adalah bahawa apa-apa yang menimpa manusia sama ada baik atau buruk, terdapat sebab di sebaliknya, antara lainnya disebabkan apa-apa yang telah mereka lakukan sebelum itu. Umpamanya firman Allah swt: *“Telah*

nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia... ”. (al-Rum 30: 41)

SEBAB YANG TANPA MUSABAB

Jelas bahawa hubungan antara sebab dan musabab merupakan suatu kemestian yang tidak boleh diputuskan melainkan dengan kehendak Allah. Setiap sebab yang dilakukan akan membawa kepada musababnya dengan syarat ia memenuhi syarat yang sepatutnya dan tiada sebarang halangan yang menghalanginya. Sebagai contoh, makan merupakan sebab kepada wujudnya rasa kenyang dan terpenuhnya keperluan tubuh, di samping ia juga sebab kepada kelangsungan kehidupan. Walaupun begitu, kesemua musabab yang disebutkan itu hanya berlaku dengan syarat sistem pemakanan dan penghadaman tubuh berfungsi dengan baik bagi menerima dan mengambil manfaat daripada makanan tersebut, di samping tiada halangan yang menghalang sistem badan daripada menjalankan peranannya.

Penetapan wujudnya syarat dan tiadanya halangan dalam proses sebab dan musabab ini merupakan jawapan kepada persoalan mengapakah sesetengah daripada usaha yang kita lakukan tidak mendatangkan hasil sepertimana yang kita harapkan. Kemungkinan ada beberapa syarat yang telah kita langgar atau tidak penuhi, ataupun ada halangan tertentu yang tidak kita lepasi sehingga menyebabkan “sebab” itu tidak sempurna untuk menghasilkan kejayaan. Begitu juga dalam perkara buruk dilakukan manusia yang dilihat seolah-olah tidak mendapat balasan setimpal daripada apa yang mereka lakukan, jawapannya juga merujuk kepada peraturan ini.

Peraturan ini hakikatnya adalah untuk mengingatkan manusia bahawa penguasa dan pengatur mutlak bagi sistem sebab dan akibat ini adalah Allah. Justeru, di tangan Allahlah penentuan kejayaan atau kegagalan sebab-sebab yang telah dilakukan oleh makhluknya. Di samping itu, sebagai pengatur dan penguasa kepada peraturan ini juga, Allah berupaya untuk mengadakan ‘*special case*’ dalam keadaan-keadaan tertentu, dengan menjadikan musabab yang tidak selari dengan sebab. Contohnya kisah menarik adat seperti peristiwa api tidak membakar tubuh Nabi Ibrahim, Nabi Musa membelah lautan dengan tongkatnya dan sebagainya.

JANGAN TINGGALKAN ALLAH

Dalam kehidupan kita sehari-hari, segala perkara yang berlaku, bahkan perkara yang sedang kita lalui adalah berlaku dengan sebab-sebab yang tertentu dan bukan berlaku secara spontan. Apa-apa yang berlaku hari ini, ada kaitan dengan apa yang telah berlaku atau yang telah kita lakukan sebelum ini. Sepertimana perkara yang akan berlaku pada masa depan juga mempunyai perkaitan dengan apa yang sedang kita lakukan hari ini. Pengetahuan dan kesedaran tentang peraturan sebab-musabab ini membantu kita merancang dan membina kehidupan dengan lebih baik.

Peraturan ini juga mengajar kita bahawa jangan ‘tinggalkan’ Allah dalam usaha menggapai musabab. Kemungkinan antara sebab kegagalan kita dalam mencapai sesuatu yang kita harapkan adalah disebabkan kita terlupa sebab yang besar di sebalik sebab-sebab yang lain iaitu meninggalkan Allah dan melupai kekuasaan-Nya dalam menentukan segala sesuatu.

PUNCA KEHANCURAN

Perkara ini telah banyak diperingatkan al-Quran menerusi kisah-kisah umat yang telah dihancurkan pada zaman silam. Mereka hancur bukan disebabkan mereka gagal melakukan sebab-sebab untuk mempertahankan kekuasaan mereka, seperti kaum Ad, Thamud, tamadun Firaun dan sebagainya. Bahkan kemungkinan usaha mereka dalam mengejar kehebatan lebih hebat daripada usaha manusia zaman sekarang.

Namun oleh kerana mereka melupakan Allah swt, maka Allah datangkan kehancuran kepada mereka sehingga segala sebab-sebab yang mereka lakukan untuk mengukuhkan kehebatan mereka tidak mampu untuk menghalang ketentuan Allah swt.

Oleh itu, untuk berjaya di dunia, kita perlulah melakukan sebab-sebab yang sepatutnya. Begitu juga sekiranya kita ingin berjaya di akhirat, maka kita perlu melakukan sebab-sebab yang membawa ke arah kejayaan tersebut. Dalam masa yang sama kita perlu merujuk panduan yang telah ditunjukkan Allah menerusi wahyu-Nya berkenaan sebab-sebab untuk berjaya bagi diikuti dan dilakukan oleh kita.

Walaupun begitu, sekiranya kita telah melakukan segala sebab kepada kejayaan tetapi masih gagal, jangan terus membuat kesimpulan atas kegagalan tersebut, kita perlu teliti terlebih dahulu setiap perkara yang kita telah lakukan sebelum itu, dan yang paling utama kita kena lihat juga kenapa Allah tidak memberikan kejayaan tersebut. Allah pasti mempunyai jawapan terbaik kepada persoalan tersebut.

Kesimpulannya, persoalan kejayaan dan kegagalan kita, begitu juga peraturan di sebalik kejayaan dan kegagalan semuanya sebagai suatu peringatan kepada kita berkenaan hakikat betapa kerdilnya kita sebagai makhluk, dan betapa maha berkuasanya Allah. Secara tidak langsung Allah mengingatkan siapa kita dan siapa Allah.

Disediakan oleh;

DR. MANSOR BIN SULAIMAN

Pensyarah Kanan

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan

Universiti Malaysia Pahang